



**Prof Datuk Dr Hassan Basri
Awang Mat Dahan.**

USIM lantik TNC HEPA baharu

Nilai: Bekas Pengarah Akademi Pendidikan/Sekolah Makmal, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Datuk Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan, dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) baharu, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Pelantikan selama tiga tahun berkuatkuasa 15 Jun lalu itu, dipersetujui Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, bagi menggantikan Prof Datuk Dr Mohamed Asin Dollah yang bersara pada 15 April lalu.

Berlatar belakang pendidikan dalam Bahasa Arab, beliau adalah lulusan Sarjana Muda (Kepujian) Universiti Kuwait (1987); Sarjana (Kesusasteraan) Universiti St Andrews, Scotland (1992) dan mendapat Doktor Falsafah (PhD) dari Universiti Edinburgh, Scotland (2000).

Antara kerjaya awal beliau ialah penterjemah Kedutaan Malaysia di Kuwait dan pembantu penyelidik Kuwait Zakat House.

Beliau kemudian memulakan tugas sebagai pensyarah di Universiti Malaya (1987-2007) sebelum dilantik sebagai Pengarah Jabatan Pelajaran Malaysia, University Cairo Mesir (2007-2011).

Aktif menulis

Sebaik kembali ke Malaysia, beliau berkhidmat sebagai pensyarah di Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI.

Sebagai ahli akademik, beliau aktif dalam penulisan ilmiah dengan lebih 30 buah buku/bab buku serta 20 jurnal akademik dan prosiding berjaya diterbitkan pada peringkat nasional dan antarabangsa.

Prof Hassan Basri turut berperanan sebagai konsultansi pensyarah pelawat, penilai luar dan ahli lembaga penasihat akademik kepada beberapa institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara.

Dalam aspek kepemimpinan, Prof Hassan Basri turut dilantik Perdana Menteri sebagai Ahli Majlis Perundingan Islam (MPI) pada 2014, Ketua Panel Menggubal Kurikulum Bahasa Arab bagi Sekolah Agama di Malaysia, Lembaga Pendidikan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2012-2015) dan merupakan ahli Yayasan Fulbright, Amerika Syarikat sejak 2007.